



**LANCAR...Abdullah melancarkan buku Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2007 yang diserahkan kepada seorang murid sambil diperhatikan Hishammuddin.**

# Lahir pelajar celik minda

PM mahu nilai tambah hadapi cabaran lebih kompetitif

H. Metro M/S 24 17.1.07

>>Oleh Badrila Jamlus

jbad@hmetro.com.my

**P**UTRAJAYA: “Ma-na-mana negara yang kaya, letak emas dan batu permata di atas bumi sekali pun tidak akan berjaya jika tiada kebolehan untuk membangun negara serta bangsa.

“Oleh itulah saya menekankan soal celik minda kerana ia jadi modal insan yang baik. Malah, mereka ini bila lulus dapat ijazah, akan jadi manusia yang istimewa,” kata Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Beliau berkata, sekolah dan kurikulum persekolahan perlu memberi penekanan kepada usaha melahirkan pelajar bukan saja celik huruf, malah celik minda supaya berkemampuan untuk berfikir di luar kotak.

Perdana Menteri berkata berfikir di luar kotak akan membolehkan pelajar memasuki bidang pekerjaan berupaya untuk berfikiran kreatif dan inovatif.

“Nilah jenis modal insan yang kita mahu lahirkan ia itu celik minda dan kekuatan mental yang akan memberi nilai tambah bagi menghadapi cabaran lebih kompetitif pada masa akan datang.

“Usaha ini terletak pada tangan warga pendidik hari ini untuk melahirkan generasi cemerlang seperti itu

bukan saja untuk mencapai cita-cita Wawasan 2020, malah selepas itu kerana 2020 bukan tahun penamat tetapi usaha yang perlu disambung generasi akan datang, mahu menjadikan Malaysia lebih maju,” katanya ketika berucap melancarkan Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010 di sini semalam,

Pada majlis yang dihadiri kira-kira 3,000 orang, kebanyakannya warga pendidik di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC), Abdullah menerima buku berkenaan sebagai simbolik perasmian yang disampaikan Menteri Pelajaran, Datuk Seri Hishamuddin Hussein.

Pelan induk itu, menggariskan semua perancangan dan projek yang akan dilaksanakan Kementerian Pelajaran sehingga 2010.

Antara tumpuannya ialah mengurangkan sekolah kurang murid (SKM), mengatasi kadar keciciran pelajar dan memperkasakan sekolah kebangsaan (SK) terutama di luar bandar, supaya menjadi sekolah pilihan utama masyarakat Malaysia.

Menerusi pelan induk itu yang bertemakan ‘Merintis Pembaharuan - Satu Misi Nasional’, Kementerian Pelajaran akan menubuhkan lebih banyak sekolah berpusat, iaitu sekolah yang menggabungkan pelajar beberapa SKM bagi membina

kemudahan lebih baik dan menempatkan guru terlatih.

Pelan induk itu juga menggariskan pencapaian 55 peratus daripada SK pada 2010 adalah sekolah cemerlang. Untuk mencapai SK cemerlang, Kementerian Pelajaran juga akan memantapkan kepimpinan guru besar dan meningkatkan kualiti guru termasuk menerusi pensiswazahan guru besar.

Abdullah berkata, proses menambah nilai kepada sistem pendidikan perlu dilakukan secara berterusan kerana cabaran akan datang semakin hebat, terutama penemuan teknologi baru yang sesetengah namanya seperti teknologi nano atau teknologi biotek yang tidak pernah didengar sebelum ini.

“Kita tiada pilihan untuk menjadikan negara dan bangsa kita maju melainkan melahirkan insan bukan saja berilmu malah berinovatif. Kita tidak boleh selamanya mengimport teknologi, tetapi merekanya sendiri,” katanya.

Untuk itu katanya, segala prasarana sekolah harus dilengkapkan, kualiti tenaga pengajar ditingkatkan dalam usaha meningkatkan profesionalisme serta kecekapan yang mesti dilakukan secara berterusan selain memperkasakan semula peranan Persatuan Ibubapa Guru (PIBG).